

TARIKH	06 / 05 / 2014	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	8	RUANGAN	

Permohonan untuk umrah masih seperti biasa, Malaysia belum terjejas MERS-CoV

Tiada arahan henti mohon visa

Oleh FITRI AFFENDI MUSTAFA
 pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 5 Mei - Malaysia tidak menerima sebarang arahan pemberhentian permohonan visa daripada kerajaan Arab Saudi bagi jemaah haji atau umrah kanak-kanak serta individu berusia lebih 60 tahun berikutnya amaran jangkitan Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom

berkata, setakat ini Malaysia belum menerima kesan daripada wabak itu dan kerajaan Arab Saudi pula tidak mengeluarkan sebarang arahan memberhentikan permohonan visa haji dan umrah.

"Tabung Haji dan semua agensi pelancongan yang menawarkan perkhidmatan haji serta umrah tidak menerima sebarang arahan pemberhentian permohonan visa. Cuma yang ada ialah jemaah yang berumur 60 ke atas tidak digalakkan memohon tetapi kita masih proses jika ada

yang memohon," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, beberapa agensi perkhidmatan haji dan umrah di Arab Saudi telah berhenti menerima permohonan visa bagi jemaah kanak-kanak serta individu berusia lebih 60 tahun berikutnya amaran Kementerian Kesihatan Arab Saudi tentang jangkitan MERS-CoV.

Akbar Arab News melaporkan, Presiden Jawatankuasa Haji dan Umrah, Dewan Perundangan Perdagangan dan Industri Mekah, Saad al-Quraishi

menjelaskan, pihaknya juga akan berhenti menyediakan visa haji kepada jemaah yang belum mendapatkan vaksin melawan penyakit selesama yang lain.

Penyebaran jangkitan MERS-CoV di wilayah barat Arab Saudi, khususnya Mekah, Madinah dan Jeddah telah menyebabkan banyak agensi perkhidmatan haji dan umrah menolak permohonan visa warga emas, walaupun kerajaan belum mengeluarkan keputusan rasmi berhubung hal itu.



JAMIL KHIR BAHAROM

Keupayaan vaksin dengan perlu dipertingkat

SEGAMAT 5 Mei - Keupayaan vaksin dengan yang dibangunkan oleh syarikat tempatan sejak empat tahun lalu bagi mengawal penularan wabak dengan di negara ini perlu ditambah baik bagi memastikan perlindungan yang lebih berkesan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, penyediaan vaksin baharu kini memasuki fasa klinikal ketiga dengan tahap perlindungan yang diterima berada pada tahap sekitar 56 peratus dan belum mencapai piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

"Kita menetapkan sekurang-kurangnya 70 peratus kesesuaian dan keberkesanannya sebelum vaksin tersebut dapat digunakan. Selain itu, kita belum mengetahui keberkesanannya perlindungan vaksin dengan ini terhadap keempat-empat jenis virus demam dengan dan kemungkinan ia berkesan untuk satu jenis sahaja."

"Usaha untuk mendapatkan vaksin yang berkesan juga sedang dibuat di beberapa tempat di dunia dan sehingga kini masih terlalu awal untuk mengumumkan keberkesanannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran Program Gotong-Royong dan Kempen Bulan Bebas Denggi di Taman Astakajaya, di sini semalam.

Subramaniam yang juga Ahli Parlimen Segamat berkata, sepanjang tempoh Januari hingga April tahun ini, sebanyak 28,000 kes dengan dicatatkan di seluruh negara dengan 66 kes kematian berbanding 48,000 kes dan 90 kematian sepanjang tahun lalu.

Agenzi haji, umrah akur keputusan Arab Saudi

KUALA LUMPUR 5 Mei - Keputusan beberapa agensi perkhidmatan haji dan umrah di Arab Saudi untuk berhenti menerima permohonan visa bagi jemaah kanak-kanak dan warga emas ekoran amaran Kementerian Kesihatan negara itu tentang jangkitan Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV) diterima dengan hati terbuka.

Pengerusi Eksekutif Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd., Datuk Mohd. Daud Che Ngah berkata, pihaknya bersetuju dan percaya langkah tersebut dilaksanakan demi kebaikan para jemaah terutama melibatkan aspek kesihatan meramandangkan wabak berkenaan sebelum ini turut mengorbankan nyawa.

"Apabila melibatkan kanak-kanak dan warga emas berusia lebih 60 tahun, daya tahan mereka terhadap penyakit adalah rendah dan secara tidak langsung terdedah dengan jangkitan ini."

"Sekiranya perkara itu berlaku, bukan sahaja ibadah akan terjejas, malah tahap kesihatan mereka juga terganggu kerana keadaan udara yang panas dan kering di sana tidak sama seperti di Malaysia. Akhirnya, pengendali terpaksa menjaga mereka," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Akbar Arab News melaporkan Presiden Jawatankuasa Haji dan Umrah, Dewan Perundangan Perdagangan dan Industri Mekah, Saad al-Quraishi menjelaskan, pihaknya juga akan berhenti menyediakan visa haji kepada jemaah yang belum mendapatkan vaksin melawan penyakit selesama yang lain.